

# → DASAR & PENTADBIRAN



Antara Projek Perumahan Rakyat yang siap dibina di Sungai Melana, Johor Bahru.



**Subsidi kerajaan kepada PPR yang kadang kala mencecah lebih daripada 200 peratus adalah inisiatif murni kerajaan dalam membantu golongan miskin untuk memiliki rumah idaman mereka sendiri"**

**Jayaselan K Navaratnam,**  
Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara

## RM6b peruntukan bina 120 Projek Perumahan Rakyat

➔ Sabah negeri paling banyak terima manfaat pembangunan Kerajaan Pusat

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memperuntukkan hampir RM6 bilion bagi membangunkan 120 Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara dengan 83,759 unit rumah sudah siap.

Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Jayaselan K. Navaratnam, berkata sebanyak 41 projek PPR dengan 15,327 unit pula dalam proses pembinaan, manakala 23 projek dengan 10,066 unit dalam perancangan.

Beliau berkata, Sabah menjadi negeri yang dibina paling banyak PPR, iaitu 26,199 unit.

Katanya, pembinaan PPR ber-

gantung kepada beberapa faktor, antaranya jumlah permintaan yang tinggi oleh penduduk di beberapa kawasan selain permohonan daripada kerajaan negeri untuk membina kediaman kos rendah.

### Sasar penghuni setinggan

"Projek yang membabitkan kategori PPR Disewa dan PPR Dimiliki disasarkan kepada penghuni setinggan dan golongan berpendapatan rendah yang pendapatan isi rumah mereka tidak melebihi RM3,000 sebulan.

"Projek PPR Disewa disewakan

dengan hanya RM124 sebulan manakala bagi PPR Dimiliki, kosnya ialah RM35,000 seunit di Semenanjung dan RM42,000 seunit di Sabah dan Sarawak," katanya.

Mengenai permintaan terhadap PPR, Jayaselan berkata, sambutan amat menggalakkan kerana rumah disewa dan dijual dengan kadar cukup rendah.

Katanya, kadar pasaran jenis perumahan lain boleh mencecah antara RM150,000 sehingga RM180,000 seunit.

"Subsidi kerajaan kepada PPR yang kadang kala mencecah lebih daripada 200 peratus adalah ini-

siatif murni kerajaan dalam membantu golongan miskin untuk memiliki rumah idaman mereka sendiri," katanya.

PPR diselia oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang terdiri daripada rumah bertingkat bagi kawasan bandar dan rumah teres untuk pinggir bandar.

Unitnya memiliki tiga bilik tidur, ruang tamu, dapur dan dua bilik air selain kawasan perumahannya mempunyai kemudahan asas seperti dewan komuniti, surau, tadika, taman permainan dan gerai makan.

BERNAMA

## Rundingan penurunan kuasa masuk fasa kedua

**Kuching:** Rundingan penurunan kuasa pentadbiran dari Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan Sarawak masih berterusan dan kini sudah memasuki fasa kedua.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan di peringkat negeri untuk membincangkan perkara itu sudah mengemukakan laporan teknikal mengenai perbincangan mereka kepada Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, tiga bulan lalu.

Beliau berkata, antara perkara utama yang dirundingkan ialah hak negeri, yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan selain bebe-

rapa perkara berkaitan Perlembagaan Persekutuan.

"Peguam Negara mungkin memerlukan masa untuk meneliti laporan teknikal. Selain Perlembagaan Persekutuan dan negeri, terdapat perkara lain yang perlu dikaji oleh Peguam Negara kerana ia membabitkan hal ehwal negara.

### Perlu penyelidikan, analisis

"Proses ini agak rumit kerana membabitkan banyak undang-undang dan memerlukan penyelidikan serta analisis," katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan keperluan perayaan Deepavali kepada 50 penerima di Dewan Per-

satuan India Kuching, di sini, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pemandu yang ditubuhkan untuk mengadakan perbincangan mengenai penurunan kuasa ke Sarawak dan Sabah, berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan rundingan itu.

Yang turut mempengerusikan Jawatankuasa Pemandu itu ialah Menteri Luar, Tan Sri Anifah Aman yang mewakili kerajaan Sabah.

Katanya lagi, 13 peruntukan kuasa pentadbiran yang dikembalikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Sarawak tahun lalu sudah dilaksanakan mengikut perjanjian.



**Peguam Negara mungkin memerlukan masa untuk meneliti laporan teknikal"**

**Nancy Shukri,**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri